

# Era kegemilangan boleh diulangi

BH 17 APRIL 1992

MELAKA, Khamis — Negara mampu mengulangi zaman kegemilangannya ketika menjadi empayar satu ketika dahulu jika rakyat berani menghadapi cabaran, tekun dan bersemangat tinggi, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, sehingga sekarang masih ada pihak yang memanggil Malaysia sebagai Melaka berdasarkan zaman keagungan yang dicapai ketika menjadi empayar.

"Sejarah membuktikan kita mempunyai kemampuan untuk mencapai kegemilangan, malah mewujudkan empayar yang turut meliputi kawasan Sumatera dan sekitarnya.

"Kalau kita menyusun langkah betul serta berani menghadapi cabaran, tekun dan penuh semangat, saya yakin kita dapat mencapai keagungan, tetapi dalam zaman sekarang," katanya.

Beliau berkata demi-

kian dimaillis nerasmian Muzium Bklia, Muzium Ethnografi. Muzium Sejarah dan Pameran Melaka Sedekad (1982-1992) di depan Muzium Belia di sini, hari ini.

Turut hadir di majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Ketua Menteri, Tan Sri' Abdul Rahim Tamby Chik. isterinya Puan Sri Zabedah Abdullah, Ahli Exco, wakil rakyat dan pegawai kerajaan.

Dr Mahathir berkata, muzium-muzium berfungsi penting dalam membentuk peribadi manusia Sejagat kerana ia menjadi bahan peringatan mengenai asal-usul mereka.

Menurutnya, muzium juga berfungsi dalam memberi tunjuk ajar yang berguna kepada rakyat, terutama yang bakal mewarisi negara ini, mengenai langkah yang perlu diambil untuk mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara.

"Adalah lebih mudah untuk menentukan arah tujuan jika kita tahu asal-usul. Dengan cara ini, kita dapat merancang langkah yang diperlukan untuk melangkah ke depan.

"Kalau tidak tahu, mungkin kita tidak dapat menentukan arah tujuan kita yang sebenarnya.

"Malah, kita mungkin tidak akan maju ke depan, sebaliknya semakin mundur ke belakang," katanya.

Dr Mahathir berkata, belia masa kini sepatutnya bersyukur kerana berpeluang mewarisi negara yang aman damai dan pesat membangun tanpa menghadapi banyak masalah.

Katanya, banyak negara lain di dunia menghadapi masalah sehingga menyebabkan penduduknya tidak dapat mewarisi negara yang membangun, tetapi yang banyak masalah dan dalam keadaan tertekan.